

10 NOV 2000

RAFIDAH-WTO

SANGSI APEC AKAN SETUJU PUSINGAN BARU WTO DI BRUNEI, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Mesyuarat ekonomi-ekonomi APEC di Brunei tidak berkemungkinan bersetuju dengan pusingan baru perbincangan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tanpa agenda berkepentingan yang berwibawa kepada ekonomi-ekonomi maju dan juga sedang membangun, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata di sini hari ini.

Di samping itu, negara-negara sedang membangun dukacita dengan isu-isu yang belum diselesaikan masing di awang-awang daripada Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT), perjanjian sebelum WTO, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata.

"Saya penuh kesangsian terhadap apa-apa yang berbentuk hasil daripada kemuncak Brunei atau selepas Brunei semata-mata kerana di Geneva, belum terdapat sebarang tanda satu agenda yang berwibawa yang berkepentingan kepada negara-negara maju dan juga membangun," katanya.

Geneva adalah ibu pejabat WTO di mana perbincangan perdagangan diadakan.

Bercakap pada taklimat akhbar mengenai Mesyuarat Peringkat Menteri APEC ke-12 yang dijadual diadakan di Kesultanan yang kaya dengan minyak mulai 12-13 Nov 2000, katanya beberapa negara besar seperti Amerika Syarikat masih enggan menangani isu-isu berkaitan dengan negara-negara sedang membangun seperti anti-lambakan.

"Dan masih terdapat isu-isu luaran dicuba diseludup ke dalam perbincangan WTO," tambahnya.

Rafidah juga menegaskan bahawa masalah-masalah belum selesai daripada pusingan Uruguay, seperti pelaksanaan isu-isu dan keupayaan memenuhi tanggung jawab, belum diselesaikan.

"Anda tidak boleh bawa masuk agenda baru kecuali masalah-masalah belum selesai telah habis," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan mengenai hasrat Washington untuk menggunakan sidang kemuncak APEC pada 15-16 Nov untuk mendesak para pemimpin untuk memperbaharui janji-janji mereka bagi satu pusingan perdagangan baru WTO.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan terbang ke Brunei minggu depan untuk menghadiri perhimpunan pemimpin-pemimpin APEC.

Rafidah juga berkata bahawa Amerika Syarikat (AS) tidak bersedia untuk mendesak satu pusingan baru perundingan WTO memandangkan ia belum memutuskan mengenai seorang presiden baru.

"Kecuali kedudukan presiden diselesaikan, anda tidak tahu siapa akan memerintah negara itu dan siapa akan mengetuai delegasi perdagangan di dalam mana-mana perundingan di dalam WTO," katanya.

Menekankan bahawa keputusan-keputusan APEC tidak mengikat, Rafidah berkata apa jua yang mengikat ekonomi-ekonomi 21-APEC seperti menurunkan tarif kepada tahap tertentu adalah "semuanya akademik."

"APEC bukanlah mengenai memotong tarif atau memaksa pembukaan pasaran. Tetapi apabila anda mempunyai program tidak mengikat yang begitu berfaedah seperti kad visa kemasukan pelbagai pra kelulusan kepada peniaga-peniaga, orang akan menyertainya," katanya.

Mengenai globalisasi, beliau berkata ia tidak boleh ditahan tetapi pengurusan kolektif proses itu diperlukan untuk membawa faedah kepada semua dan menghalang penyelewengan kepada ekonomi-ekonomi individu dan kepada operasi pasaran sedia ada.

Dalam cara ini, negara-negara sedang membangun tidak akan menanggung banyak kerana mereka tidak bersedia bagi serangan globalisasi, tambah

Rafidah.

-- BERNAMA

MAD MR OS MA